

# **Kenal Maka Cinta- Kolej Matrikulasi**

## **Wadah Prihatin Siswa Siswi UPM**

Wan Faizah Wan Mohd. Yusof, Pengurus Sekretariat

“Kitalah warisan yang berani, gagah meneruskan perjuangan yang belum selesai.” Begitulah kata-kata tegas Wan Faizah Wan Mohd. Yusof, Pengurus Sekretariat Kolej Matrikulasi UPM.

Beliau berbangga dengan perkembangan di Kolej Matrik, walau pun baru setahun jagung telah mampu melakukan sesuatu di peringkat antarabangsa. Di antara aktiviti yang telah dianjurkan ialah:

- INFOTECH 2020 di peringkat antarabangsa yang berjaya menarik penyertaan seluruh dunia
- MASCOF - persidangan pelajar-pelajar matrikulasi/asasi IPT se Malaysia dan menghantar surat bantahan ke PBB mengutuk keganasan yang dilakukan oleh pihak Serb.

